

PENGARUH KESEDARAN TERHADAP DENGGI

Siti Zaitun Osman¹, Hamidi Ismail²

¹Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Penggajian AntaraBangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia

²Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Penggajian AntaraBangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia

Abstract: Penyakit denggi merupakan penyakit bawaan vektor. Pembawa kepada vektor ini adalah nyamuk. Kesedaran tentang penyakit denggi perlu untuk memastikan nyamuk pembawa vektor ini tidak aktif. Penyakit ini akan menjangkiti badan manusia sahaja serta menyebabkan antibodi badan akan lumpuh..sekiranya tidak di ubati dengan cepat ia boleh mengakibatkan kematian. Terdapat dua jenis nyamuk yang membawa vektor ini iaitu aedes aegypti dan albopictus. Kedua-dua nyamuk ini akan menggigit dan menghisap darah manusia serta memindahkan vektor denggi di dalam badan pesakit. Nyamuk ini boleh akan membiak di dalam air yang jernih bagi memastikan kemandirian spesiesnya. Objektif penulisan ini adalah untuk mengetahui konsep kesedaran masyarakat serta kajian pengkaji sebelum ini mengenai penyakit denggi serta pengaruhnya terhadap pemikiran masyarakat.

Kata Kunci: kesedaran, masyarakat, vektor

1. Pengenalan

Menurut Merican (2005), kesedaran dapat ditafsirkan melalui keprihatinan individu terhadap sesuatu isu. Fabunmi dan Nwagwu (2011) pula menyatakan bahawa kesedaran boleh diukur melalui aspek pematuhan serta tindakan yang boleh menggambarkan tahap kesedaran terhadap sesuatu perkara. Denggi pula adalah sejenis penyakit bawaan vektor yang boleh mengancam kesihatan awam di Malaysia kerana boleh membebankan ekonomi negara dengan kos perubatan untuk diberikan kepada pesakit (Naim Rasidi, 2013). Selain itu, demam denggi adalah penyakit yang disebabkan oleh virus denggi yang dibawa oleh nyamuk *aedes*. Nyamuk *aedes* bergerak aktif pada waktu senja dan subuh. Penyakit ini juga masih tidak mempunyai ubat yang khusus tetapi memerlukan rawatan yang bagi mengelakkan ia dari merebak ke atas orang lain (Jabatan Agama Islam Perak 2014). Penyakit demam denggi berdarah adalah berpunca daripada nyamuk *Aedes* iaitu *Aedes albopictus* dan *Aedes aegypti* yang lebih merbahaya berbanding

demam denggi klasikal kerana boleh menyebabkan gejala demam denggi yang kuat seperti bengkak pada badan, kegelisahan, muntah darah, darah terdapat pada najis, sakit sendi, dan sebagainya (Abdull Razak 1997). Jadi melalui aktiviti dan kempen yang telah dinyatakan oleh kerajaan terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia adalah satu daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap wabak denggi (Ahmad Ramli S. et al. 2007). Tambahan pula menurut Abu Bakar dan Suzana (2004), di Malaysia kes denggi kerap berlaku di bandar dan separa bandar sehingga meningkat kepada 90 peratus.

1. Konsep kesedaran

Bagi Ahmad Ramli S. et al. (2007) menyatakan bahawa kesedaran masyarakat terhadap denggi sangat penting bagi memastikan tahap aktiviti pencegahan yang patut dilakukan oleh pihak kerajaan. Satu aktiviti pencegahan adalah melalui proses pendidikan untuk meningkatkan pengetahuan tentang

penyakit denggi. Pendidikan selalunya bermula sejak kecil melalui mata pelajaran moral, jasmani dan sivik. Selain itu, maklumat yang dapat diperolehi adalah melalui rancangan televisyen dan radio yang dijalankan dengan kerjasama Jabatan alam sekitar termasuklah Siri Animasi Alam sekitar seperti Khutbah Jumaat, Selamat Pagi Malaysia, rancangan Global (Jamilah Ahmad et al., 2011). Menurut Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Bahagian Kesihatan Awam, Abu Bakar Awang Ngah menyatakan bahawa kesedaran masyarakat mengenai denggi di negeri ini berada pada tahap kurang memuaskan walaupun penyakit itu masih lagi terkawal berbanding negeri lain. Namun begitu, langkah pencegahan perlu dijalankan dari masa ke masa bagi mengelak peningkatan kes demam denggi daripada terus berlaku. Kes denggi hanya dapat ditangani sekiranya masyarakat melakukan amalan pembersihan persekitaran rumah secara berjadual sekurang-kurangnya sekali seminggu. Menurut Rabiatul Adawiyah (2012) bagi menghapuskan penyakit berjangkit serta Majlis Kebersihan Global serta Dettol menjalankan penyelidikan kajian *cross-contamination* dan *back to school* bertujuan untuk mengkaji jurang pengetahuan antara penyebaran virus. Oleh itu, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) telah merancang pelbagai program kesedaran kepada orang ramai termasuk program Combi yang dijalankan dari rumah ke rumah. Contohnya, telah melaksanakan sebanyak 11 karnival mengenai amalan kebersihan seumpama di seluruh daerah. Ia bermatlamat untuk menggalakkan masyarakat membudayakan amalan cara hidup sihat melalui proses meningkatkan kefahaman, membina kemahiran dan menterjemahkan pengetahuan tentang amalan cara hidup sihat.

Namun begitu, Vadiyalagan et al. (2016) pula, berpendapat walaupun kerajaan Arab Saudi mempunyai wang yang mencukupi bagi kawalan vektor denggi tetapi kes demam denggi masih berlaku secara tidak menentu. Contohnya, Pada 2013, sebanyak 4411 kes denggi

dinotifikasikan, kemudiannya meningkat lagi pada 2012. Pada bulan Mei 2013, jumlah meningkat kepada 1272 kes. Bagi Al- Eryani (2015) pengetahuan berkenaan penyakit denggi perlu diberi penekanan melalui penyakit denggi dengan penyakit denggi yang lain.

2. Rumusan

Kesimpulanya, jelaslah bahawa kesedaran masyarakat terhadap penyakit denggi adalah sangat penting kerana penyakit denggi boleh menyebabkan kematian serta mengancam kesihatan awam di Malaysia. Taklimat mengenai penyakit denggi denggi perlu diperluaskan lagi di kawasan bandar serta luar bandar agar penyakit denggi dapat dibanteras dari akar umbi lantas mencapai Wawasan 2020. Jadi bagi kita hendaklah memeriksa barang-barang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk secara tetap. Contohnya, tempat takungan pasu yang bertakung perlu dibersihkan setiap hari. Dengan adanya tempat persekitaran yang baik maka kita dapat menghindari diri daripada terbit dalam wabak demam denggi.

3. Rujukan

- Ahmad Ramli S., Hashimah Mohd Yunus, Abu Hassan A. dan Oii Cheng Kok. (2007). Tahap Kesedaran Pelajar Sekolah Rendah terhadap Penyakit Demam Denggi. DP. Jilid 7, Bil 2/2007. Pendidikan sains. education.usm.my. Diambil pada 5 Januari 2016.
- Ang Leng, P., Chew Kian, P., Lau Kiew, S., Nicholas Lim Lye, T., Ong May, L., Siew, S. W., ... & Wong Siong, C. (2000). Kajian keratan rentas mengenai pengetahuan, sikap dan amalan terhadap pencegahan demam denggi di Kampung Belawai, Sarikei dari 20 Jun hingga 5 Ogos 2000.

http://www.utusan.com.my/utusan/Pahang/20120925/wp_04/Denggi-Tahap-kesedaran-penduduk-Pahang-masih-rendah#ixzz3EmE9bS8G

Al-Eryani, B., Saied, K. G., Alddin, R. S., Al-Sobaihi, S., Lutf, W., & Al-Taiar, A. (2015). Knowledge of attitudes toward, and perceptions of epilepsy among university students in Yemen. *Epilepsy & Behavior*, 52, 102-107.

Choy, E. A., Khair, E. B. M., Atan, A., Sahani, M., & Ali, Z. M. (2011). PERUBAHAN CUACA DAN PENYAKIT DENGGI: KAJIAN KES DI DAERAH SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN, MALAYSIA (Climate change and dengue: Case study in Seremban District, Negeri Sembilan, Malaysia). *e-BANGI*, 6(1), 38.

Colby, S. A., & Lyon, A. F. (2004). Heightening Awareness about the importance of Using Multicultural Literature. *Multicultural Education*, 11(3), 24.

Jamilah Ahmad, Juliana Hasrina, dan Hamidah. (2011). Pengetahuan, sikap dan Amalan Masyarakat Malaysia terhadap Isu Alam Sekitar . *Akademika* 81 (3) , 103-115.

Malaysia, K. K. (1986). Panduan Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Demam Denggi/Demam Denggi Berdarah. Cawangan Penyakit Bawaan Vektor.

Pang, T., Hassan, H. H., & Ramalingam, S. (1988). Demam denggi dan demam denggi berdarah. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rabiatul Adawiyah. (2012). Jaga kebersihan cegah penyakit

Kuala Lumpur: www1.utusan.com.my. Diambil pada 11 November 2014.

Shaharudin, I., Shamsul, A. S., Tahir, A., Mariam, M., Azah, D., & NI, N. S. (2002). Sistem maklumat geografi (GIS) dan sektor kesihatan awam: kajian demam denggi di Bandar Baru Bangi dan Kajang. *Jurnal Kesihatan Masyarakat*, 8(S), 34-42.

Shafie, A. (2008). Aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) Bagi Menenal Pasti Kawasan Berisiko Tinggi Bagi Penyakit Demam Denggi Berdarah Di Georgetown, Pulau Pinang [G70. 215. M2 A996 2008 f rb] (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).

Vadivalagan, C., Karthika, P., Murugan, K., Panneerselvam, C., Paulpandi, M., Madhiyazhagan, P., ... & Paramasivan, R. (2016). Genetic deviation in geographically close populations of the dengue vector *Aedes aegypti* (Diptera: Culicidae): influence of environmental barriers in South India. *Parasitology research*, 115(3), 1149-1160.

